

TADBIR URUS PENGURUSAN WAKAF DI INSTITUSI MASJID: KAJIAN DI MASJID AT-TAQWA, PULAU PINANG

Governance of Wakaf Management in Mosque Institutions: A Study t At-Taqwa Masjid, Pulau Pinang

Ku Hanani Ku Halim^{1*}

Azizah Othman²

Syarifah Md Yusof³

^{1,2,3}Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia

*Corresponding author (Email: kuhanani@uum.edu.my)

Received: 3 February 2023, Reviewed: 5 February 2023, Published: 31 March 2023

Abstrak: Wakaf merupakan satu pensyariatan yang bermatlamat untuk membantu masyarakat dan orang awam menikmati kemudahan perubatan, pendidikan, perumahan dan ekonomi. Di Malaysia, pihak yang bertanggungjawab dalam urusan tadbir urus harta wakaf diletakkan di bawah institusi Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang terdapat di setiap negeri. Selain itu, institusi masjid juga dilihat turut memainkan peranan dalam mengembangkan pembangunan harta wakaf. Namun sejauh manakah pengurusan institusi masjid dapat membantu mengembangkan pembangunan harta wakaf? Kajian ini secara khusus adalah untuk mengenal pasti tadbir urus pengurusan wakaf di salah sebuah masjid yang terletak di Pulau Pinang iaitu Masjid At-Taqwa, Bertam. Kajian ini berbentuk kualitatif iaitu mengguna pakai maklumat daripada temu bual sebagai sumber primer dan dokumen-dokumen relevan sebagai sumber sekunder. Secara keseluruhan, kajian mendapati bahawa masjid memainkan peranan penting dalam pembangunan ummah yang tidak hanya tertumpu sebagai pusat beribadah semata-mata namun dapat menjadi *one centre station* bagi pelbagai kemudahan umat Islam. Antara aktiviti yang dijalankan oleh Masjid At-Taqwa ialah pertanian di tanah wakaf masjid, Bazar Wakaf Rakyat (BWR), Warung Kotaqwa dan lain-lain. Diharapkan kajian ini mampu memberikan gambaran terhadap bentuk tadbir urus wakaf yang dilaksanakan oleh institusi masjid dalam membantu mengembangkan pembangunan harta wakaf.

Kata Kunci: Tadbir Urus, Pengurusan Wakaf, Masjid, Ekonomi

Abstract: Waqf is a provision that aims to help the community and public to enjoy medical, educational, housing, and economic facilities. In Malaysia, the agency that was responsible for the waqf property governance is placed under the State Islamic Religious Council (MAIN) institution in each state. In addition, mosque institutions are also seen to play a role in the developing the development of waqf property. However, to what extent the management of mosque institutions can help develop the development of waqf property? This study is specifically to identify the governance of waqf management at one of the mosques located in Penang, which is At-Taqwa Mosque, Bertam. This study is qualitative that using information

from interviews as a primary source and relevant documents as a secondary source. Overall, the study found that the mosque plays an important role in the development of the Ummah which not only focuses as a center of worship but can be a one center station for various facilities for Muslims. Among the activities carried out by At-Taqwa Mosque are agriculture on the mosque's waqf land, Bazar Wakaf Rakyat (BWR), Kotaqwa Warung and others. It is hoped that this study will be able to provide an overview of the form of waqf governance implemented by mosque institutions in helping to develop the development of waqf property.

Keywords: Governance, Waqf Management, Mosque, Economy

PENDAHULUAN

Wakaf merupakan salah satu ibadah yang dituntut dalam Islam dan memainkan peranan penting dalam pembangunan ummah. Menurut Alam et al. (2018) wakaf boleh menjadi model yang dikehendaki dalam perkhidmatan kebajikan seperti di sektor pendidikan, kesihatan, alam sekitar, kesejahteraan sosial dan program-program lain yang berasaskan masyarakat. Kini, perkembangan harta wakaf semakin berkembang maju di serata negara Islam termasuklah di Malaysia.

Abdullah et al. (2020) turut menyatakan bahawa wakaf adalah satu pensyarian yang bermatlamat untuk membantu masyarakat dan orang awam menikmati kemudahan perubatan, pendidikan, perumahan, ekonomi dan politik. Maka, institusi wakaf memainkan peranan penting dalam menguruskan pembangunan harta wakaf. Menurut Chabbal (2020) institusi wakaf akan bertukar kepada sebuah sistem pembangunan seluruh masyarakat dengan mewujudkan peluang dalam pengurangan kadar pengangguran. Namun, sebahagian institusi wakaf tidak dapat memainkan peranan yang diharapkan kerana kekurangan sumber keperluan yang mereka perlukan untuk berfungsi dengan baik (Alam et al., 2018). Menurut Osman et al. (2015) antara isu-isu yang timbul dalam membangunkan harta wakaf adalah kekurangan dokumentasi, kekurangan pangkalan data yang sistematik, kekurangan pengurusan struktur wakaf yang cekap, pegawai yang tidak mahir dalam pengurusan wakaf, kekurangan prosedur yang jelas berkaitan pendaftaran pengurusan tanah dan harta wakaf serta kurangnya pengetahuan mengenai wakaf dalam kalangan masyarakat.

Selain daripada institusi wakaf, masjid turut dilihat dapat memainkan peranan dalam membantu mengembangkan pembangunan harta wakaf. Menurut Kurniawan (2014), bermula pada zaman Rasulullah SAW, masjid tidak hanya berfungsi sebagai tempat beribadat sahaja, malah masjid juga menjadi pusat utama bagi aktiviti ummah seperti pusat pendidikan, politik, ekonomi, sosial dan budaya. Sebagai contoh, antara peranan masjid ialah membantu menguruskan operasi projek Bazar Wakaf Rakyat (BWR) yang dibangunkan di atas tanah wakaf milik Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang juga di dalam kawasan masjid. Namun sejauh manakah pengurusan institusi masjid dapat membantu mengembangkan pembangunan harta wakaf? Kajian ini secara khusus adalah untuk mengenal pasti tadbir urus pengurusan wakaf di salah sebuah masjid yang terletak di Pulau Pinang iaitu Masjid At-Taqwa, Bertam.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Metodologi penyelidikan yang digunakan adalah secara kualitatif. Menurut Awasthy (2020) kajian kualitatif bertujuan untuk memahami persekitaran, pengalaman, perasaan, tingkah laku dan tindakan sesuatu keadaan. Justeru, pendekatan kualitatif akan digunakan bagi mengenal pasti tadbir urus pengurusan wakaf yang telah dijalankan di institusi masjid. Bagi penyelidikan ini, kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah melalui penglibatan sumber data primer dan data sekunder. Sumber data primer akan diperoleh melalui kajian lapangan iaitu melalui sesi temu bual mendalam bersama responden dari institusi masjid yang terpilih. Manakala, sumber data sekunder pula terdiri daripada sumber dokumen seperti buku, laporan jabatan dan sumber lain yang berkaitan dengan maklumat tadbir urus pengurusan wakaf di institusi masjid dalam membantu mengembangkan pembangunan harta wakaf.

Pengurusan Wakaf Di Malaysia

Perkataan wakaf berasal daripada perkataan Arab "*waqafa*" yang bermaksud menahan, menghentikan, dan mencegah (Muhammad, 1997). Manakala dalam perspektif syariah pula, wakaf dapat dikategorikan sebagai harta benda (*mal*) dan mencegah penggunaannya untuk tujuan menghasilkan manfaat secara berterusan untuk mewakili objektif kebenaran atau kebaikan amal (Aziz et al., 2013). Selain itu, Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) pula mendefinisikan wakaf sebagai apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang transaksi jual beli, hibah, pewarisan, dan wasiat di samping perlu mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebajikan dengan niat mendekatkan diri pewakaf kepada Allah SWT (www.ywm.gov.my).

Di Malaysia, sistem pengurusan wakaf adalah berbeza di setiap negeri. Hal ini kerana pihak yang bertanggungjawab dalam urusan tadbir urus harta wakaf diletakkan di bawah institusi MAIN yang terdapat di setiap negeri-negeri. Berdasarkan kepada undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia, MAIN merupakan pemegang amanah tunggal (*sole trustee*) bagi semua harta wakaf, iaitu sama ada wakaf am ataupun wakaf khas, dan sama ada yang melibatkan harta alih dan harta tidak alih (JAWHAR, 2018). Menurut YWM juga, MAIN menjalankan fungsi sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua harta wakaf sepertimana yang termaktub dalam akta/enakmen perundangan Islam di negeri-negeri. Menurut YWM, selaku pemegang amanah tunggal, MAIN diberi kuasa untuk;

- (i) Melantik atau memberi kebenaran bertulis kepada mana-mana pihak untuk mengurus dan mentadbir apa-apa *mawquf* bagi pihaknya,
- (ii) Mengiktiraf pelantikan mana-mana pengurus atau pentadbiran dalam keadaan di mana *waqif* telah pun melantiknya sendiri selain MAIN;
- (iii) Dan menamatkan pelantikan di para (i) dan (ii) di atas

Selain MAIN, kerajaan Malaysia juga telah menubuhkan dua institusi di peringkat persekutuan iaitu Jabatan Wakaf, Zakat & Haji (JAWHAR) dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) bagi membantu MAIN dalam urusan pembangunan wakaf. JAWHAR telah ditubuhkan pada 27 Mac 2004 oleh bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah bin Ahmad Badawi dengan bertujuan memastikan pengurusan wakaf, zakat dan haji di seluruh negara dapat

dilaksanakan dengan lebih tersusun, sistematik dan berkesan. Manakala, YWM merupakan entiti wakaf kebangsaan di bawah JAWHAR yang ditubuhkan pada 23 Julai 2008 melalui Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Fungsi utama YWM adalah mengumpul dan menjana dana bagi membangunkan harta tanah wakaf, memaju dan membangunkan harta tanah wakaf dengan kerjasama MAIN. Penubuhan JAWHAR dan YWM di peringkat Persekutuan, telah membantu MAIN membangunkan wakaf menerusi pelaksanaan projek-projek wakaf berbentuk ekonomi secara kerjasama antara JAWHAR, YWM dan MAIN. Projek-projek tersebut mampu menjana dana pembangunan wakaf seperti dalam sektor komersil, pelancongan, perumahan, pendidikan dan kesihatan (www.ywm.gov.my).

Peranan Institusi Masjid Dalam Pembangunan Wakaf

Masjid merupakan kata terbitan yang menunjukkan tempat dari kata dasar *sajada* bermaksud tempat sujud (*maudhiu al-sujud*) atau rumah tempat didirikan solat (Mustari & Jasmi, 2008). Kesan daripada penghijrahan Rasulullah SAW ke Madinah, masjid berperanan sebagai penyumbang besar terhadap perkembangan pelajaran dan pendidikan serta menjadi sebuah institusi terpenting. Menurut Mustari dan Jasmi (2008), dalam kajian dan pengamatan para ulama dan sarjana yang mengamati sirah Rasulullah SAW menyimpulkan, bahawa terdapat tujuh langkah strategik yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dalam membangunkan masyarakat Madani di Madinah iaitu (1) mendirikan masjid (2) mengikat persaudaraan antara komuniti muslim (3) mengikat perjanjian dengan masyarakat bukan muslim (4) membangun sistem politik (*syura*) (5) meletakkan sistem dasar ekonomi (6) membangun keteladanan pada elit masyarakat dan (7) menjadikan ajaran Islam sebagai sistem nilai dalam masyarakat.

Menurut Iman dan Mohammad (2017), wakaf boleh dilaksanakan di semua peringkat sama ada individu, bandar dan luar bandar, komuniti, perbadanan, kerajaan, dan lain-lain. Menurutnya lagi, wakaf juga boleh diaplikasikan sebagai fokus tumpuan, iaitu objek, alat, mekanisme, instrumen dasar atau sistem ekonomi. Menurut Ramli et al. (2020), harta bukan wang yang diterima oleh pihak masjid adalah merupakan harta wakaf kerana masjid adalah sebuah institusi wakaf. Oleh itu, pihak pengurusan masjid bertindak sebagai *nazir* atau *mutawalli* harta wakaf bagi harta kategori ini (Ramli et al., 2020).

Antara langkah yang boleh dilakukan oleh institusi masjid untuk tujuan pengimarahannya ialah dengan melaksanakan aktiviti pengembangan ekonomi masjid. Menurut Shahar dan Abdullah (2016) institusi masjid boleh menjana ekonominya bagi memastikan kelangsungan aktiviti masjid dapat diteruskan dan seterusnya memacu pembangunan ekonomi ummah melalui penglibatan dalam kegiatan-kegiatan ekonomi yang produktif.

Pengurusan Wakaf Di Masjid At Taqwa, Pulau Pinang

Latar Belakang Masjid

Masjid At Taqwa terletak di Taman Bertam Indah, Kepala Batas, Pulau Pinang. Sejarah penubuhan Masjid At Taqwa bermula dengan pembinaan surau At Taqwa pada tahun 1998. Pada tahun 2005, anak kariah semakin berkembang dan seterusnya pembinaan masjid telah siap sepenuhnya pada tahun 2007. Penubuhan Masjid At Taqwa didirikan sebagai tempat beribadat kepada semua anak kariah menunaikan solat berjemaah lima waktu, pusat ilmu dan pendidikan anak kariah, pusat bagi anak kariah mendapat bimbingan dan kebajikan, pusat memupuk perpaduan masyarakat setempat dan pusat pembangunan ummah. Kini, bilangan

anak kariah melibatkan sebanyak 1,500 buah rumah iaitu seramai 5,000 penduduk yang merupakan 85% penduduk Islam. Bagi memenuhi peranan penubuhan masjid, pihak pengurusan Masjid At Taqwa telah menubuhkan biro dan jawatankuasa kariah Masjid At Taqwa seperti:

- (1) Biro Pendidikan Dakwah
- (2) Biro Informasi dan Perhubungan
- (3) Biro Kebajikan
- (4) Biro Muslimah
- (5) Biro Belia dan Sukan
- (6) Biro Ekonomi dan Wakaf
- (7) Biro Pembangunan
- (8) Biro Selenggara dan Fasiliti
- (9) Persatuan Kebajikan Pusat Hemodialisis Masjid At Taqwa
- (10) Jawatankuasa Pengurusan Tanah Perkuburan dan Khairat Kematian
- (11) Koperasi Kariah Masjid Taman Bertam Indah
- (12) Ahli Jawatankuasa Surau At Taqwa
- (13) Lembaga Pengurusan Sekolah Rendah Islam At Taqwa

Sejak dari penubuhan Masjid At Taqwa, pelbagai aktiviti yang telah dijalankan oleh pihak pengurusan masjid. Antaranya ialah program bersama anak yatim Rohingya, pasca banjir Kelantan, program Qurban, Majlis Kecemerlangan Pelajar, Kursus Haji Bersiri, Forum Perdana, Kursus Jenazah, Karnival Marhabah, Iftar Ramadhan dan Bazar Ramadhan. Selain itu, Masjid At Taqwa juga mempunyai pusat hemodialisis dan Sekolah Rendah Islam At Taqwa. Pada tahun 2014, Masjid At Taqwa berjaya mendapat penghargaan di Malaysia iaitu sebagai Masjid Terbaik Malaysia 2014 Kategori Kariah dan Anugerah Masjid Terbaik Pulau Pinang 2014.

Tadbir Urus Pengurusan Harta Wakaf

Bagi hal yang melibatkan pengurusan harta wakaf, tanggungjawab ini telah diletakkan di bawah tanggungjawab Biro Ekonomi dan Wakaf, Masjid At Taqwa. Biro ini mempunyai seramai 11 ahli jawatankuasa iaitu pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha, bendahari dan tujuh AJK Biro. Biro Ekonomi dan Biro ini ditubuhkan bagi (1) menguruskan harta wakaf kariah Masjid Taman Bertam Indah, (2) merancang aktiviti ekonomi sebagai satu usaha menjana sumber pendapatan untuk meningkatkan kewangan masjid, (3) menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan yang dapat meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mengenai ekonomi Islam di kalangan anak kariah.

Selain itu, Koperasi Kariah Masjid Taman Bertam Indah turut diberi kepercayaan bagi membantu pihak masjid dalam menguruskan aktiviti ekonomi Masjid At-Taqwa. Sebanyak sebelas operasi yang melibatkan ekonomi dan harta wakaf Masjid At Taqwa yang diurus dan diselia oleh Biro ini dengan dibantu oleh Koperasi Kariah Masjid Taman Bertam Indah iaitu melibatkan harta sebidang tanah di Permatang Tok Labu, Penaga, Bazar Waqaf Rakyat (BWR), Bangunan Dialisis, Hotel Attaqwa Inn, Dewan Seminar Attaqwa, Van Masjid, Kedai Gunting Rambut Attaqwa, dan Warung Kotaqwa, Kedai Dobi, tenaga solar dan Bazar Ramadhan. Selain itu, Biro Ekonomi dan Wakaf ini juga bertanggungjawab untuk merancang program keusahawanan bagi melahirkan usahawan di kalangan anak qaryah. Jadual 1 menunjukkan aktiviti yang dijalankan oleh Masjid At-Taqwa.

Jadual 1: Aktiviti Ekonomi dan Wakaf di Masjid At Taqwa

Bil.	Aktiviti	Penerangan
1	Tanah Wakaf di Permatang Tok Labu, Penaga	Penyerahan tanah waqaf di Penaga kepada Koperasi Kariah Masjid untuk memajukan sebahagian tanah berhampiran jalan besar dan sebahagian lagi disewakan untuk penanaman padi dua kali setahun.
2	Bazar Waqaf Rakyat (BWR)	Merupakan projek kerjasama antara Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan diserahkan kepada pihak Masjid At Taqwa bagi pengurusan dan pelaksanaan BWR. Projek BWR di Masjid At Taqwa telah dibina pada tahun 2010 dengan mempunyai sebanyak lima unit kedai. Majlis penyerahan BWR kepada pihak masjid telah diadakan pada 22 Disember 2020. Pada Februari 2021, pihak pengurusan masjid telah mengadakan Majlis Menandatangani Perjanjian Sewaan di antara pihak masjid dan peniaga yang telah lulus temu bual bagi permohonan BWR. Tempoh perjanjian adalah selama satu tahun.
3	Pusat Hemodialisis Masjid at-Taqwa	Pusat Hemodialisis Masjid At-Taqwa terletak di kawasan belakang bangunan masjid dan telah beroperasi pada tahun 2017. Bangunan pusat dialisis ini dibangunkan dengan hasil sumbangan daripada ahli jemaah masjid. Syarikat Takaful Malaysia telah memberi sumbangan sebuah mesin dialisis kepada Pusat Hemodialisis Masjid at-Taqwa yang diserahkan oleh TYT Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzy bin Haji Abdul Razak, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang. Pusat Hemodialisis Masjid at-Taqwa menerima semua pesakit luar iaitu tidaklah hanya tertumpu kepada pesakit dalam kalangan kariah masjid sahaja.
4	Hotel Attaqwa Inn	Hotel Attaqwa Inn terletak di dalam kawasan masjid At Taqwa dengan menyediakan enam bilik penginapan untuk disewa. Antaranya ialah <i>Standard Room</i> , <i>Suite Room</i> dan <i>Family Room</i> untuk ditawarkan kepada pelanggan Hotel Attaqwa Inn.
5	Dewan Seminar Attaqwa	Dewan Seminar Attaqwa terletak di dalam kawasan masjid At Taqwa iaitu di tingkat bawah Hotel Attaqwa. Dewan seminar ini boleh memuatkan sehingga 150 orang dalam satu-satu masa.

		Hasil sewaan dewan seminar ini dimasukkan sebagai sebahagian daripada pendapatan harta waqaf.
6	Van Masjid	Terdapat sebanyak dua biji van masjid iaitu untuk digunakan bagi tujuan kebajikan dan pengurusan jenazah. Selain itu, terdapat panel van khas untuk kegunaan Pusat Dialisis. Kedua-dua kenderaan masjid ini mendapat kelulusan khas Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia bagi pengecualian cukai jalan (Lesen Kenderaan Motor) sepenuhnya.
7	Kedai Gunting Rambut Attaqwa	Kedai gunting rambut Attaqwa terletak di dalam kawasan Masjid At Taqwa iaitu di hadapan masjid berdekatan dengan ruang letak kenderaan. Penubuhan kedai gunting ini merupakan sebahagian daripada aktiviti perniagaan koperasi. Kedai perkhidmatan gunting rambut muslim ini disewakan kepada peniaga atau anak kariah yang mempunyai kepakaran dalam bidang gunting rambut.
8	Warung Kotaqwa	Koperasi Kariah Masjid menyediakan sewaan tapak dan khemah perniagaan bagi membuka Warung Kotaqwa yang terletak di ruang hadapan masjid. Jenis perniagaan yang dijalankan adalah perniagaan makanan dan minuman manakala waktu operasi bermula dari pagi sehingga malam.
9	Kedai Dobi	Kedai dobi terletak di hadapan Masjid At Taqwa dengan menyediakan sebanyak 4 mesin basuh untuk perkhidmatan dobi kepada pelanggan.
10	Solar Panel	Solar panel dipasang di sepanjang koridor yang menuju ke pintu masuk masjid. Ini membantu menjana sumber pendapatan masjid melalui hasil jualan tenaga elektrik kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB).
11	Bazar Ramadhan	Bazar Ramadhan mula beroperasi pada tahun 2010 iaitu selama sebulan pada setiap bulan Ramadhan. Bazar Ramadhan dijalankan di ruang hadapan masjid iaitu berhadapan dengan pintu pagar masjid. Pihak pengurusan masjid dengan kerjasama Koperasi Masjid diberi tanggungjawab untuk menguruskan sewaan operasi Bazar Ramadhan. Sebanyak 25 buah khemah akan didirikan dengan melibatkan hampir 100 lot kedai untuk peniaga di Bazar Ramadan.

KESIMPULAN

Aktiviti berlandaskan ekonomi yang dilaksanakan oleh institusi masjid dapat menjana pendapatan masjid selain membantu masyarakat setempat dalam berniaga. Selain itu, masjid juga dapat menjadi pusat perkhidmatan masyarakat dengan kepelbagaian aktiviti yang dijalankan oleh pihak masjid. Kesannya, aktiviti ini dapat mengimarahkan lagi masjid dengan menarik lebih ramai orang Islam khususnya masyarakat muda untuk ke masjid.

Selain itu, dengan usaha pihak masjid dalam mengembangkan harta wakaf ini dapat menyalurkan kembali hasil sumbangan wakaf yang diamanahkan kepada pihak masjid kepada masyarakat setempat dan seterusnya membantu membangunkan ekonomi negara. Institusi

masjid dilihat dapat menjadi pemangkin kepada sosioekonomi ummah dengan memainkan peranan masjid yang tidak hanya tertumpu sebagai pusat beribadah semata-mata namun dapat menjadi *one centre station* bagi pelbagai kemudahan umat Islam (Ramli et al., 2020).

RUJUKAN

- Abdullah, B., Aziz, A. H. A., & Bahari, Z. (2020). Pelaksanaan pembangunan harta wakaf di Negeri Pulau Pinang dalam sektor komersial. *International Journal of Modern Trends in Business Research*, 3(14), 1–13.
- Abdul Malik Abdul Razak. (2022). Pengurusan Bazar Wakaf Rakyat (BWR) oleh Masjid At Taqwa, Taman Bertam Indah, Kepala Batas, Pulau Pinang. Temu bual, 15 Julai.
- Alam, M. M., Shahriar, S. M., Said, J., & Monzur-E-Elahi, M. (2018). Waqf as a tool for rendering social welfare services in the social entrepreneurship context. *Global Journal Al-Thaqafah*, 2018(January), 87–98. <https://doi.org/10.7187/gjatsi2018-06>
- Awasthy, R. (2019). Nature of qualitative research. In *Methodological Issues in Management Research: Advances, Challenges, and the Way Ahead* (pp. 145–161). Emerald Publishing Limited. <https://doi.org/10.1108/978-1-78973-973-220191010>
- Aziz, M. R. A., Johari, F., & Yusof, M. A. (2013). Cash waqf models for financing in education. *Paper Proceeding of the 5th Islamic Economics System Conference (IECONS 2013)*, September.
- Chabbal, A. Y. (2020). Waqf and enterprenuership: An ignored mechanism for modern economic development in Nigeria. *Journal of African Sustainable Development*, 20(2), 289–296. http://www.hummingbirdpubng.com/wp-content/uploads/2020/10/HUJASD_VOL20_NO2_JUNE2020_-23.pdf
- Iman, A. H. M., & Mohammad, M. T. S. H. (2017). Waqf as a framework for entrepreneurship. *Humanomics*, 33(4), 419–440. <https://doi.org/10.1108/H-01-2017-0015>
- Jabatan Wakaf, Zakat & Haji (JAWHAR). (n.d.). <http://www.jawhar.gov.my>
- JAWHAR. (2018). *Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan*. WAZAN-JAWHAR.
- Kurniawan, S. (2014). Masjid dalam lintasan sejarah umat Islam. *Jurnal Khatulistiwa-Journal of Islamic Studies*, 4(September), 169–184.
- Masjid At Taqwa, Taman Bertam Indah, Kepala Batas, Pulau Pinang. (n.d.). <http://masjidattaqwakepalabatas.com>
- Muhammad, A. R. (1997). Wakaf. In *Fekah* (Pertama, pp. 107–124). Pustaka Haji Abdul Majid.
- Mustari, M. I., & Jasmi, K. A. (2008). *Fungsi dan peranan masjid dalam masyarakat hadhari* (Issue January 2008). Universiti Teknologi Malaysia.
- Nathir, K. A. M., Othman, M. S., Mustapha, N. F., & Sulong, W. M. W. (2019). Penggunaan perisian ATLAS.Ti 8 dan maktabah syamilah dalam kajian kualitatif Bahasa Arab. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 5(January), 56–67.
- Osman, S., Mat, I., Ahmad, J., & Haji-Othman, Y. (2015). Unlocking value of waqf property using hibah mudhrabah: A case study of commercial buildings in Kedah, Malaysia. *International Journal of Development Research*, 5(05), 4294–4299.
- Ramli, A. M., Jalil, A., Hamdan, N., Haris, A., & Aziz, M. A. A. (2020). *Keperluan fatwa pelaburan dana masjid bagi kelestarian fungsi serta peranan masjid: Satu analisa*. 557–

568.

- Shahar, A. F. H. M., & Abdullah, M. Y. M. (2016). Strategi pembangunan ekonomi Masjid As-Salam sebagai wasilah dakwah kontemporari. *International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah 2016 (IRSYAD 2016)*, 2016(Irsyad), 75–87.
- Yayasan Wakaf Malaysia. (n.d.). <https://www.ywm.gov.my>